

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, February 6, 2017 12:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: CoE UUM Perlu Bugar Mendepani Cabaran Bertaraf Antarabangsa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



6 FEBRUARI 2017 / 9 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

CoE UUM PERLU BUGAR MENDEPANI CABARAN BERTARAF ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Sejak penubuhan UUM lebih 30 tahun lalu, Pusat Kecemerlangan (CoE) tidak mempamerkan sebarang kemajuan yang tekak.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, UUM masih gagal meletakkan mana-mana CoE bertaraf kebangsaan atau HICoE, malah tidak menonjol.

Menurutnya, CoE sewajarnya multidisiplin untuk terus bergerak ke hadapan dan bukan berorientasikan disiplin atau terlalu sempit seperti yang berlaku kini.

"Ini merupakan antara punca kita masih gagal untuk menghasilkan kajian yang memberi impak besar kepada industri, pembuat polisi dan masyarakat.

"Justeru, pendekatan CoE perlu diubah kepada multidisiplin, rapi dan berimpak dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan perundingan," katanya pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Dekan, Pengarah CoE dan Ketua RU di Pusat Konvensyen, semalam.

Tambah beliau, banyak masalah wujud dalam industri dan masyarakat. Oleh itu, CoE perlu mengenal pasti masalah tersebut dan membuat kajian yang bersesuaian.

Katanya lagi, sekiranya CoE mengetahui punca masalah industri dan masyarakat, maka penyelidikan translasional atau kajian tindakan dapat dilaksanakan.

"Tujuan CoE UUM ini diwujudkan adalah untuk membolehkan penyelidik dari pelbagai latar belakang untuk bersama-sama membuat kajian dan menghasilkan penyelesaian terbaik untuk satu-satu masalah dalam industri dan masyarakat.

"U-CoE sedia ada seperti CEDI perlu dibugarkan semula kerana kita sebelum ini dikenali sebagai peneraju dalam bidang keusahawanan, namun kini UMK telah menjadi peneraju dalam bidang tersebut.

"Untuk itu, semua U-CoE perlu dibugarkan semula kerana terbukti bahawa universiti yang berjaya dalam bidang penyelidikan merupakan universiti yang mempunyai CoE," tegasnya.

Naib Canselor berkata, CoE boleh menjadi *back office* kepada agensi atau syarikat, contohnya ARIBF boleh berfungsi sebagai *back office* kepada sektor perbankan dan kewangan serta ARIC pula menjadi *back office* kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurutnya, dengan kata lain U-CoE seperti CETMA, IPDM, CEDI, ARIBF dan ARIC perlu menjadi CoE bertaraf nasional dan akhirnya antarabangsa.

"Saya berharap menjelang 2020, semua U-CoE dan SCoE akan menjadi pusat peneraju dalam bidang pengkhususan masing-masing.

"Semua kajian perlu mendukung 8 bidang tujahan UUM di samping melaporkan kemajuan kepada U-CoE dan SCoE setiap tiga bulan, seterusnya Pengarah U-CoE dan SCoE akan membentangkan kemajuan atau pencapaian kepada pihak universiti," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, penyelidik yang mempunyai kajian boleh menjadi felo penyelidik di bawah mana-mana U-CoE dan SCoE, manakala yang tidak mempunyai kajian perlu segera mendapatkan geran penyelidikan untuk memohon sebagai felo penyelidik.

Selain itu, Naib Canselor juga berharap setiap U-CoE dan SCoE mempunyai pelan jangka pendek dan panjang, selain mempunyai pelan strategik lima tahun.

"Unit Penyelidikan (RU) pula perlu menjana kajian yang baharu, iaitu berada di luar SCoE tetapi masih mendukung 8 bidang tujahan dan penyelidik juga boleh datang dari pelbagai disiplin dan pusat pengajian.

"Kita boleh jadikan Japan Advance Institute of Science and Technology (JAIST) sebagai model apabila mereka memanfaatkan pelajar pascasiswazah sebagai peneraju utama kepada kecemerlangan CoE mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah RIMC, Prof Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, perjumpaan ini membolehkan penyelidik bertukar pandangan dan idea.

Selain itu, katanya, platform ini juga dimanfaatkan bagi membentangkan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk CoE pada tahun lalu, penawaran geran penyelidikan CoE, agenda terbaru, perancangan RIMC serta senarai penyelidikan U-CoE dan SCoE.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail dan pegawai-pegawai kanan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.